

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE [DAMANSARA]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada kerajaan akan menawarkan projek baru di bawah skim penwastan atau skim 'public private partnership'. Senaraikan nilai dan projek yang telah ditawarkan dan tengah dipertimbangkan oleh pihak kerajaan.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman YB, projek-projek secara kerjasama awam swasta atau, dengan izin, *Public Private Partnership* – PPP, adalah di antara pendekatan yang diguna oleh Kerajaan untuk melaksanakan projek pembangunan negara. Kelebihan Kaedah PPP antara lain adalah :

- Mempercepatkan (*bring forward*) pelaksanaan projek mega yang memberi impak yang signifikan kepada rakyat seperti lebuhraya, jambatan, hospital dan universiti.
- Merangsang pertumbuhan ekonomi melalui kesan pengganda sektor pembinaan dan kesan limpahan (*spill over effect*) kepada kawasan setempat serta membuka peluang pekerjaan, keusahawanan, peningkatan nilai hartanah dan sebagainya; dan

- Meningkatkan kecekapan mengurus fasiliti/aset Kerajaan, penyelenggaraan yang menyeluruh dengan mengambil kira *life cycle cost* dan penggunaan teknologi baharu.

2. Dalam situasi dunia yang sedang menghadapi kemelesetan ekonomi, adalah agak sukar untuk Kerajaan menyediakan peruntukan pembangunan dalam jumlah yang mencukupi bagi penjana ekonomi, maka pelaksanaan projek secara PPP ini boleh membuka ruang kepada Kerajaan untuk menjana semula ekonomi melalui 'kesan pengganda' projek infrastruktur dengan perbelanjaan pembinaan dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta. Pulangan/hasil kepada pelaburan pihak swasta adalah sama ada melalui kutipan daripada pengguna (*user pay*) atau pembayaran sewaan secara berjadual sepanjang tempoh konsesi pada harga yang kurang membebankan Kerajaan.

3. Sehingga 16 November 2020, terdapat sebanyak 86 cadangan projek PPP dengan nilai projek dianggarkan bernilai RM74. bilion telah memperoleh kelulusan dasar Jemaah Menteri. Projek-projek ini termasuklah pembinaan jalan raya, lebuh raya, dan pembinaan bangunan. Cadangan projek-projek tersebut sedang dirundingkan terma dan syarat pelaksanaan oleh Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta (JKAS) yang diurus setia oleh Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri. Rundingan ini antara lain mengenal pasti kos kepada Kerajaan dan faedah kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.